

Peranan Modul Hafazan Berwarna di Dalam Pembelajaran Kanak-kanak

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 190-197
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 15 February 2023
Accepted: 28 February 2023
Published: 30 March 2023

[The Role of Colour Coded Module for Quran Memorization among Children]

Mohd Zaid Ismail,¹ Saipolbarin Ramlji,² Mohd Nor Adli Osman¹

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA. e-mail: adliosman7726@yahoo.com
² Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

* Corresponding Author: adliosman7726@yahoo.com

Abstrak

Institusi tahniz adalah sebuah institusi yang dibina bagi menerapkan minat masyarakat kepada hafazan al-Quran. Tidak dapat dinafikan terdapat pelajar di dalam sebahagian institusi berkenaan seawal umur 5 tahun dan kaedah hafazan yang dipraktikkan pada usia sebegini adalah seperti mana kaedah pelajar dewasa. Justeru, bagi memastikan kualiti hafazan kanak-kanak sentiasa berkesan maka pendekatan yang perlu digunakan oleh para guru di institusi tahniz tersebut perlulah sesuai dengan usia mereka. Maka kajian yang dihasilkan ini adalah bertujuan untuk meninjau kaedah yang berkesan untuk usia kanak-kanak. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berbentuk menganalisis dokumen yang berkaitan. Hasil daripada kajian yang dihasilkan ini, melihat melalui kaedah warna yang diterapkan oleh para guru tahniz kepada kanak-kanak ianya secara tidak langsung menjadi kaedah yang berkesan dalam meningkatkan penghafalan al-Quran kepada kanak-kanak. Justeru, tumpuan dan fokus kanak-kanak pada penghafalan al-Quran melalui kaedah ini adalah tinggi walaupun dipengaruhi suasana yang bising di sekeliling.

Kata kunci: Institusi, tahniz, kanak-kanak

Abstract

Tahniz institutions are built with the intention to raise society's interest to Al-Quran memorization. In reality, children as young as the age of 5 started memorizing Al-Quran and often, the methods applied for this children are similar to the adult learners. Hence, to ensure effective quality of Quran memorization among children, suitable techniques and approaches according to the level of the learners should be taken into considerations. Therefore, this study aims to look at the most suitable Quran memorization methods that can be applied to children. This study applies qualitative analysis of related documents. The findings show that the application of colour coding methods to children has indirectly helped the young learners memorized Al-Quran in a more effective way. Thus, by applying this method, young learners are able to pay more attention and focus on the memorization despite the external distractions such as noise.

Keywords: institution, tahniz, children

Cite This Article:

Mohd Zaid Ismail, Saipolbarin Ramlie & Mohd Nor Adli Osman. (2023). Peranan Modul Hafazan Berwarna di Dalam Pembelajaran Kanak-kanak [The Role of Colour Coded Module for Quran Memorization among Children]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 190-197.

Pengenalan

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang istimewa kepada umat Islam kerana setiap amal ibadah yang dilaksanakan mempunyai kaitan langsung kepada bahasa Arab (Aprizal, 2021). Pembelajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah bukanlah sesuatu yang asing kerana ketika usia 4 hingga 7 tahun adalah usia yang sesuai untuk menguasai sesuatu bahasa berbanding pelajar dalam lingkungan remaja dan dewasa (Singleton, 1989). Malangnya, penguasaan bahasa Arab dikalangan pelajar sekolah sehingga di peringkat universiti berada di tahap tidak memuaskan. Masalah ini berpunca dari penguasaan kosa kata Arab yang lemah dan menyebabkan pelajar sukar untuk menguasainya (Abdul Razif et. al, 2020).

Jika dibincangkan secara terperinci pembelajaran kosa kata Arab berkait rapat dengan hafazan al-Quran. Menurut Noza Aflisia (2016) seorang penghafaz al-Quran memerlukan bahasa Arab untuk memelihara dan menjaga hafazannya. Oleh kerana dengan memiliki kemampuan berbahasa Arab seorang penghafaz akan mengingat hafazannya dengan tema dan kisah ayat yang dihafaz. Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian Ku Fatahiyah et al. (2019) yang menyatakan bahawa penggabungan jalinan antara pendidikan bahasa Arab dan hafazan ayat-ayat al-Quran perlu dilaksanakan oleh pengajar tahniz kerana kaedah ini dapat meningkatkan penguasaan hafazan al-Quran dengan berkesan.

Jika dilihat pada sistem yang telah dilaksanakan dalam beberapa pusat pengajian tahniz yang berdaftar, hakikatnya masih terdapat kelemahan yang perlu dibaiki di dalam sistem pengajian formal tahniz di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Azmil Hashim, 2012) dan ini akan memberi kesan terhadap silibus dan sistem pendidikan tahniz di Malaysia apabila kajian menunjukkan berlakunya ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahniz di setiap negeri dan sekolah. Akibat ketidakseragaman ini akan memberikan kesan kepada pencapaian hafazan murid (Azmil Hashim, 2010). Justeru itu, bagi memastikan keberkesanannya dan kualiti hafazan al-Quran mencapai tahap yang baik, kaedah yang digunakan di dalam proses hafazan al-Quran adalah merujuk kepada sebelum menghafaz ayat baharu, semasa menghafaz dan proses mengingat hafazan lama. Kaedah yang biasa digunakan adalah pengulangan membaca sehingga lancar, menggunakan mashaf khas, kaedah membaca terjemahan ayat serta aspek pemilihan tempat menghafaz yang sesuai dan menentukan bilangan ayat yang ingin dihafaz (Saleh et al., 2017).

Walaupun begitu, terdapat kajian yang dilakukan oleh Mariam Adawiah yang menyatakan melalui kaedah warna ianya secara tidak langsung telah memberi kesan yang positif dalam meningkatkan ingatan manusia (Mariam Adawiah, 2012). Manakala gambar berwarna pula sangat penting kepada kanak-kanak di dalam mempengaruhi psikologi mereka, sebagai contoh kanak-kanak akan menggunakan warna kuning dalam menggambarkan kasih sayang (Lee, 2016). Menurut Istanto (2004) dan Norasikin Fabil et. al (2011) sesebuah visual itu dapat difahami berdasarkan kepada ciri-ciri bentuk gambar, warna dan susunan bentuk.

Modul Hafazan al-Quran untuk Kanak-kanak

Kanak-kanak pada usia 3 hingga 6 tahun merupakan lingkungan usia keemasan (*golden age*) di dalam proses perkembangan kanak-kanak (Hurlock, 1993). Pada usia ini kanak-kanak mengalami kemajuan intelektual, sosial maupun emosional yang sangat hebat. Otak kanak-kanak pada waktu ini sedang membentuk jaringan otak bersesuaian dengan tahap usia mereka. Oleh itu, rangsangan pendidikan yang bersesuaian harus diberikan sebagai usaha mengembangkan potensi diri mereka (Nopriyanti, 2012).

Pendidikan tahliz di Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan dari ibubapa di atas kesedaran kepentingan al-Quran sebagai teras rujukan utama umat Islam. Permintaan ibubapa kepada sekolah yang berlatarkan al-Quran mendapat sambutan yang menggalakkan (Zetty Nurzuliana Rashed, 2016) dan mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan ibubapa (Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2015). Justeru, secara tidak langsung telah memberi kesan di dalam sistem pendidikan di Malaysia yang telah mengalami kepelbagai transformasi seiring dengan perubahan zaman (Amelia, 2019).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Noor Hisham dan Nasrun Hakim (2017) menunjukkan guru di institusi tahliz menggunakan kaedah hafazan dan pengajaran yang kurang berkesan dan masalah ini berlaku disebabkan oleh guru-guru tahliz yang diambil tidak mempunyai kelayakan dalam bidang pengajian tahliz atau bukan seorang yang hafiz. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya permasalahan di dalam pengisian program tahliz di dalam negara kita yang mengakibat kerencatan hasil produk yang dikeluarkan institusi tahliz.

Pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kepada kanak-kanak memerlukan Guru Pendidikan Islam yang berkemahiran dalam menangani masalah dan pengurusan kelas secara profesional dan berkesan. Bagaimanapun, penilaian yang dilakukan oleh guru Pendidikan Islam prasekolah kawasan Klang terhadap prestasi hafazan surah kanak-kanak mendapati hanya sebahagian murid dapat menguasai kemahiran hafazan dengan baik (Johaibi Juhan dan Zainab Ismail, 2015).

Menurut Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman (2009) Antara syarat menjadi guru tahliz adalah guru yang dibenarkan melaksanakan tasmik adalah dalam kalangan guru yang berkelayakan iaitu mereka yang menghafaz al-Quran. Guru perlu memberikan teguran terus ketika mendengar bacaan yang dibaca pelajar itu salah. Sesi pembelajaran perlu berjalan dengan baik terutama peringkat prasekolah bagi melahirkan pelajar masa depan yang sempurna perkembangannya (Syarifah Rahimah Tuan A. Rahman & Aliza Alias, 2020).

Pembelajaran hafazan mempunyai kaedah dan teknik yang pelbagai di dalam memastikan pelajar tahliz dapat menghafaz al-Quran dengan baik dan berkesan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri (2012) yang bertujuan meninjau persepsi kaedah amalan pembelajaran tahliz di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa beberapa kaedah yang sering digunakan oleh pelajar bagi memudahkan hafazan al-Quran seperti kaedah *takrar* dan *tasmi'*. Kajian ini juga menunjukkan pelajar hanya cenderung kepada menghafaz al-Quran daripada kecenderungan memahami maksud al-Quran.

Satu kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Safinah Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nur Zatil Ismah Azizan & Fatin Nazmin (2018) mengetengahkan kaedah hafazan al-Quran secara non verbal di prasekolah sering digunakan. Melalui kaedah ini para guru akan mendengar hafazan al-Quran anak-anak, membimbang mereka sehingga berjaya menghafaz al-Quran, menunjuk contoh teladan yang baik dan memberikan kasih sayang. Di samping itu juga, kaedah ini juga turut menggunakan peralatan multimedia, gaya pengajaran auditori dan kinestetik. Hasil dapatan menunjukkan pembelajaran ini menjadi lebih berkesan dan menyeronokkan. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Mazlina Karim (2011); Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2015).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Norizah Tukiman (2017) menggunakan pendekatan teori kecerdasan pelbagai dengan mengetengahkan teknik muzikal-ritma dapat meningkatkan kemahiran menghafaz kanak-kanak prasekolah. Kaedah ini mengehendaki pelajar bertepuk sambil menghafaz, menonton cd dan pita rakaman bacaan ayat al-Quran. Dapatan kajian ini menunjukkan kanak-kanak dapat menghafaz al-Quran dengan cepat walaupun ada dari kalangan kecil pelajar tidak dapat mengikuti sepenuhnya kaedah ini. Walaubagaimanapun kaedah ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan penerangan kepada ibubapa bagi mengelakkan salah faham ibubapa terhadap percampuran muzik dalam hafazan al-Quran.

Kaedah *tasmik* merupakan kaedah terkenal dan digunakan dalam proses hafazan al-Quran. *Tasmik* kebiasaannya dijalankan secara bersemuka kerana proses ini berlaku sejak sekian lama bertepatan sunnah Baginda Nabi SAW menerima wahyu secara bersemuka diantara Nabi SAW dan Jibril AS. Kaedah ini sangat penting bagi menentukan kelancaran hafazan seseorang pelajar dan menjadi penentu kepada perbezaan menghafaz al-Quran atau menghafaz sesuatu selain darinya (Ashraf Ismail, Khazri Osman dan Nurul Huda Hassan, 2020). Selain dari itu kanak-kanak memerlukan motivasi dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran. Antara teknik yang perlu digunakan adalah teknik penghargaan dan pujian kerana teknik ini terbukti berkesan dan banyak disebut dalam al-Quran (Mohd Zulkarnain Abd Hamid dan Mohd Isa Hamzah, 2021).

Peranan Warna Pada Ingatan

Teknologi dalam bidang pendidikan yang pesat pada hari ini menuntut guru agar sentiasa menambah baik ilmu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Fahrur Rozi & Khalimatul Khomsatun (2019) kanak-kanak pada usia 2 hingga 5 tahun perlu didedahkan tentang aspek warna bagi meningkatkan kecerdasan dan kreativiti kanak-kanak di samping melatih proses belajar sambil bermain. Oleh yang demikian, suatu aplikasi permainan android telah dibina untuk membantu guru dan ibubapa bagi menarik minat anak-anak untuk belajar mengenal warna, angka, huruf dan bentuk pada anak usia kanak-kanak melalui permainan animasi interaktif.

Manakala menurut Achmad Ghozali Syafi'i (2017), menerangkan sejarah pengenalan warna pada zaman awal manusia iaitu bermula ketika zaman batu lagi. Kemudian beliau juga menyentuh fungsi beberapa jenis warna di dalam kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Selain itu, beliau juga turut mengaitkan pemilihan warna bagi seseorang mempunyai hubungan

psikologi dengan diri seseorang. Untuk menyokong pandangan berkenaan, penulis ini juga telah membawakan pandangan daripada beberapa tokoh seperti FS Breeds, SE Katz, Maitland Graves dan beberapa tokoh lain.

Kajian yang dilakukan oleh Norasikin Fabil et al. (2011) memfokuskan kepada kaedah pemahaman ilmu hadis melalui teori berasaskan persepsi visual. Di dalam kajian ini mendapati tujuan penggunaan visual yang mempunyai ciri-ciri bentuk, warna dan susunan adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu idea yang mencakupi maklumat abstrak agar disampaikan dengan lebih jelas di dalam proses pengecaman imej visual yang dilihat (Healey, 2007). Penggunaan warna dimasukkan dalam kaedah pengecaman *sanad* hadis di dalam kajian ini bagi memudahkan pemahaman dan mengingat jalur hadis perawi dan *sanad* tertentu. Hasilnya, suatu gabung jalin ilmu dapat dihasilkan antara teknologi komputer melalui visualisasi maklumat dalam memahami ilmu hadis.

Manakala di dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Fadzilah Mat Noor et al. (2018) pula menumpukan kepada kaedah memahami syarah hadis menggunakan teknik visualisasi maklumat. Kaedah ini dalam konteks pendidikan bertujuan bagi memudahkan pengguna memahami, menghafaz dan mengingat dalam bidang ilmu hadis. Dapatkan dari kajian ini menunjukkan penggunaan warna yang sesuai pada paparan rajah di aplikasi yang dibangunkan dapat memudahkan pemahaman pengguna kepada maksud syarah hadis tersebut.

Elemen warna di dalam proses pembelajaran kanak-kanak sangat memberi kesan yang baik, kajian yang dilaksanakan di dalam melihat peranan warna di dalam permainan kanak-kanak menunjukkan kanak lebih cenderung kepada makna warna tertentu bagi menyatakan emosi dan perasaan mereka. Pemilihan warna yang betul di dalam permainan boleh menghasilkan emosi yang stabil (Lee, 2016). Pada waktu awal usia kanak-kanak, mereka begitu peka dengan benda yang wujud secara berwarna (Munsanib & Alam, 2016). Oleh yang demikian, kaedah hafazan yang menarik menggunakan pemilihan warna yang betul akan menarik minat anak-anak untuk belajar. Menurut Darwish (2019) guru yang bijak memilih kaedah pengajaran yang menarik akan meningkatkan keseronokan dan menarik minat pelajar untuk lebih fokus belajar.

Penggunaan warna di dalam al-Quran telah lama dipraktikkan di dalam ilmu qiraat. Di dalam kajian Sabri, Mohd Faizulamri, Hamdi, dan Muhammad Izzat (2019) penggunaan warna di dalam penandaan teks al-Quran bermula dari pertengahan kurun pertama hijrah dan menurut kajian tersebut terdapat perselisihan pendapat terhadap keharusan penggunaan warna di dalam al-Quran. Walaubagaimanapun penulis kajian tersebut menyimpulkan keharusan penggunaan elemen warna di dalam al-Quran dengan peraturan dan syarat agar keistimewaan al-Quran tidak hilang. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Purnama (2010) menurut kajian tersebut Allah SWT sangat menyukai keindahan dan manusia secara semulajadinya menyukai keindahan. Hal yang demikian, warna adalah sebahagian dari keindahan yang perlu ditonjolkan dalam proses pembelajaran berkaitan Pendidikan Islam.

Kajian lain yang dilaksanakan juga menunjukkan warna dapat mempengaruhi ingatan manusia. Memilih warna yang betul memberikan kesan di dalam menentukan tahap perhatian dan seterusnya meningkatkan ingatan seseorang. Ingatan manusia dapat ditingkatkan dengan menggunakan warna melalui pemilihan kombinasi warna yang betul dan juga kaedah konsintensi warna yang betul. (Mariam Adawiah, 2012). Menerusi kajian yang dilakukan oleh

Sujarwo & Oktaviana (2017) terhadap pelajar sekolah menengah menunjukkan angka yang diwarnai dengan selain hitam dan putih lebih mudah diingati berbanding warna hitam putih. Selain dari mudah mengingati angka tersebut pelajar juga cenderung mengingati warna yang terdapat pada angka tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Rubeeny, Mohd Asnorhisham & Sanitah Mohd Yusof (2019) bagi meningkatkan penguasaan literasi menulis ayat bahasa melayu di sekolah kebangsaan juga menggunakan kaedah meletakkan lampu LED berwarna-warni untuk tujuan meningkatkan perhatian fokus murid. Dapatkan dari kajian tersebut menunjukkan kaedah warna melalui lampu LED berjaya meningkatkan penguasaan literasi menulis bahasa Melayu. Dapatkan dari kajian lain juga menunjukkan pemilihan warna juga haruslah mengikut tingkatan usia pelajar itu, dengan pemilihan warna yang betul dapat memberikan tindak balas positif untuk terus belajar (Purnama, 2010).

Vernon dan Jones (2003) menjalankan kajian untuk melihat lebih mendalam kesan warna dalam prestasi ingatan yang tersirat dan tersurat. Pengkaji telah memilih 75 objek biasa berwarna untuk digunakan sebagai rangsangan dalam kajian. Dapatkan kajian menunjukkan peserta mengambil masa yang lebih cepat untuk mengecam objek dalam keadaan berwarna berbanding dengan objek yang tidak berwarna. Objek berwarna dengan latar belakang tidak berwarna mempunyai konsistensi memori yang lebih baik dan menghasilkan masa tindak balas yang lebih cepat berbanding objek berwarna dengan latar belakang berwarna.

Peranan Gambar kepada Ingatan

Penggunaan gambar di dalam pembelajaran khususnya kepada kanak-kanak prasekolah sangat penting bagi memastikan pembelajaran al-Quran itu menarik dan menyeronokkan. Kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa grafik statik yang digunakan dalam pembelajaran berjaya menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar (Hazil, Salleh, Noraini and Abd Hamid, 2002). Grafik adalah merujuk kepada kepelbagaiannya persembahan imej yang tidak bergerak seperti contoh gambar, lukisan, gambar foto, ilustrasi dan sebagainya. Penggunaan grafik di dalam proses pembelajaran mampu memudahkan penyampaian guru secara tepat dan berkesan (Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir, 2003).

Menurut Ahmad Rizal Madar & Jailani Md. Yunos (2005) dengan menggunakan grafik di dalam proses pengajaran dapat memberikan daya penarik perhatian pelajar kepada pengajaran guru. Pembelajaran lebih interaktif dan memberikan ruang komunikasi secara tidak sedar sepanjang proses pengajaran guru berlangsung. Visual-visual yang direka dalam bentuk animasi berkeupayaan mewujudkan simulasi dan aktiviti interaktiviti yang boleh membayangkan bentuk sebenar objek atau komponen. Ingatan juga dapat ditingkatkan dengan proses imaginasi. Kanak-kanak prasekolah juga menyukai aktiviti mewarna, suatu kajian yang dilakukan oleh Sri Slamet (2020) menunjukkan bahawa peningkatan kognitif dan kemahiran seni anak-anak menjadikan mereka boleh menghafaz al-Quran sambil menerokai aktiviti seni mewarna.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Suppiah Nachiappan (2013) menyatakan bahawa proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas akan menjadi lebih mudah dan berkesan apabila berlakunya penggabungan teks dan grafik. Menurut beliau penggunaan *dual coding*

perlu diaplikasikan dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah untuk meningkatkan rangsangan pembelajaran seterusnya pencapaian akademik pelajar akan meningkat. Teknik MATA yang dihasilkan bagi memperbaiki bacaan al-Quran anak-anak yang buta huruf juga mengetengahkan suatu kaedah penceritaan yang menyeronokkan dengan menyusun huruf *hijaiyah* dalam bentuk ilustrasi dan seterusnya diolah menjadi gambar bagi penceritaan yang menyeronokkan maksud surah al-Quran kepada anak-anak. Dapatkan kajian menunjukkan pembelajaran menjadi lebih menarik dan secara tidak langsung merangsang otak anak untuk berfikir (Nadri Taja, Dinar Nur Inten dan Arif Hakim, 2019).

Penggunaan bahan digital berupa gambar yang ditayangkan kepada pelajar prasekolah berusia 5 dan 6 tahun menunjukkan bahawa pelajar dapat memberikan fokus yang tinggi ketika pengajaran dan pembelajaran menggunakan penceritaan digital. Mereka kelihatan sangat teruja dan memberikan perhatian walaupun terdapat gangguan bising oleh pelajar lain di sekeliling mereka. Dapatkan ini mengesahkan kajian yang dilakukan oleh Hafiza Abas dan Halimah Badioze (2010) yang mengatakan bahawa imej berbentuk 2D dan 3D, muzik dan animasi mampu meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap sesuatu pengajaran serta memberikan kreativiti kepada pelajar.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh para pengkaji yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa kaedah warna sangat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan hafazan kanak-kanak. Justeru penulis mengharapkan kajian ini dapat menjadikan sebagai penanda aras yang jelas dalam memperkemaskan hafazan generasi awal seawal usia kanak-kanak. Supaya kecenderungan kanak-kanak kepada al-Quran dapat dibentuk ketika usia muda.

Rujukan

- Abdul Razif Zaini, Rosfazila & Yakob. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135.
- Amelia Adam & Lilia Halim. (2019). Cabaran Pengintegrasian Pendidikan STEM Dalam Kurikulum Malaysia. *Seminar Wacana Pendidikan*. 2019 (SWAPEN 2.0)
- Aprizal, A. P. (2021). Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru*, 2(2) : 40-42.
- Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2): 4.
- Fahrur Rozi & Khalimatul Khomsatun. (2019). Rancang Bangun Game Edukasi Pengenalan Warna Untuk Pendidikan Anak Usia Dini Menggunakan Adobe Flash Berbasis Android. *JIPI (Jurnal Ilmiah Penelitian Dan Pembelajaran Informatika)*, 4(1), 12-18.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub. Norlizah Che Hassan. Wan Marzuki Wan Jaafar. Lukman Abd Mutualib (2015), Cabaran Pendidikan Tahfiz Di Malaysia Dalam Melahirkan Generasi Al-Quran. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV*

Peringkat Antarabangsa.USIM.

- Hurlock, Elizabeth B. 1993. *Perkembangan Anak Jilid 1* (terjemahan Meitasari Tjandrasa). Jakarta Erlangga.
- Istanto, F. H. (2004). Gambar Sebagai Alat Komunikasi Visual. *Nirmana*, 2(1): 25-27.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Farah Nur-Rashida Rosnan dan Wazzainab Ismail. (2019). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tafhiz wal qiraat. *e-BANGI- Journal of Social Sciences and Humanities*, 16, 1-15.
- Lee, C., Cho, O., Sim, H., & Lee, W. (2016). Color psychological therapeutic methods in child game graphics. *Advanced Science and Technology Letters*, 125, 35: MUKASURAT.
- Noor Hisham Md Nawi, Nasrun Hakim Salleh (2017). Pembinaan Model Pengajian Tahfiz Di Malaysia, *The Online Journal Of Islamic Education*, (5), 2: 2-5.
- Nopriyanti, L. (2012). Peningkatan Kemampuan Membaca Anak Melalui Metode Fonik Di Taman Kanak-Kanak Islam Adzkia Bukittinggi. *Jurnal Ilmiah Pesona PAUD*, 1(1): 4-6.
- Norasikin Fabil et. al. (2011). Aplikasi reka bentuk sistem visualisasi maklumat berdasarkan teori persepsi visual dalam ilmu hadis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 1-12.
- Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, Zaharah Hussin (2014), Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah dan Doa Kanak-kanak Prasekolah melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai, *The Online Journal of Islamic Education Vol 2 Isu 1*: 6-8.
- Noza Aflisia. "Urgensi bahasa Arab bagi hafizh Al-Qur'an." *FOKUS Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan* 1.1 (2016): 47-66.
- Rahman, S. R. T. A., & Alias, A. (2020). Faktor Pemilihan Tadika Swasta Islamik oleh Ibu Bapa: Satu Kajian Kes di Daerah Marang, Terengganu [Factors of Choosing Islamic Preschool by Parents: A Case Study in Marang, Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(3), 49-64.
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurzatil Ismah Azizan, Safinah Ismail, Fatin Naz. Elemen Komunikasi Guru Pra Tahfiz Al-Quran Di As Salahuddin Smart Tahfiz School. *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020* (THIQAH 2020).
- Zetty Nurzuliana Rashed (2016), Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan Al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor, Tesis PhD, Fakulti Pendidikan UKM.